

26/02/1999

Chong letak jawatan Kabinet untuk bertanding

KOTA KINABALU, Khamis - Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Chong Kah Kiat meletakkan jawatan daripada Kabinet Persekutuan, untuk bertanding atas tiket Barisan Nasional (BN) di kawasan Dewan Undangan Negeri Kudat dalam pilihan raya Sabah pada 12-13 Mac ini.

Beliau menyerahkan surat peletakan jawatan itu, yang berkuat kuasa 1 Mac ini, kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Kuala Lumpur petang semalam.

Memberitahu sidang akhbar di Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu petang ini, Chong yang juga Presiden Parti Liberal Demokratik (LDP) berkata, keputusan itu bagi membuktikan kesungguhannya untuk berkhidmat di Sabah, khususnya di Kudat.

Beliau yakin BN mencapai kemenangan pada pilihan raya kali ini, termasuk di Kudat yang akan ditandinginya.

Menurutnya, walaupun Perlembagaan Persekutuan dan Negeri tidak mensyaratkannya meletakkan jawatan sebagai ahli Jemaah Menteri untuk bertanding kerusi DUN, beliau mengambil keputusan itu sebagai bukti keikhlasan.

Beliau berkata, kepulangannya ke Sabah untuk menentukan kemenangan BN untuk kembali memerintah Sabah.

"Ingin saya ulangi sekali lagi yang saya tidak berhasrat menjadi Ketua Menteri Sabah," katanya.

Sambil mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Perdana Menteri yang memberi kepercayaan kepadanya berkhidmat sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Chong percaya semua parti komponen BN bersatu-padu dan bekerjasama untuk kemenangan besar pada pilihan raya negeri ini.

Ditanya apakah reaksi Dr Mahathir apabila beliau menyerahkan surat peletakan jawatan semalam, beliau berkata Perdana Menteri menghormati keputusannya itu.

LDP, sebuah parti berteraskan masyarakat Cina, adalah antara sembilan parti komponen BN Sabah. Ia mempunyai lebih 60,000 ahli seluruh negeri.

Chong yang dilahirkan di Kudat pada 2 Jun 1948, berkelulusan ijazah Sarjana Muda Undang-undang daripada Victoria Universiti of Wellington, New Zealand pada 1974, dan ijazah Sarjana Undang-undang dengan Kepujian Kelas Pertama setahun kemudian.

Beliau diterima sebagai peguam bela dan peguam cara di mahkamah Agung New Zealand pada 1975 dan di Mahkamah Tinggi Borneo pada 1976, sebelum menjadi Adun Kudat sejak 1981 hingga 1985.

Pada 1982 hingga 1985, beliau dilantik sebagai Pembantu Menteri kepada Ketua Menteri Sabah dan dilantik sebagai Senator mulai Ogos 1994 dan Menteri Kabinet pada 6 Jun 1995.

Chong yang kini presiden Parti Liberal Demokratik Sabah adalah pengasas dan Setiausaha Agung penaja partinya ketika didaftarkan pada 1989 dan menyertai BN sejak 1992.

(END)